

Membina Kecintaan Membaca Buku Cerita Melayu

Dewi Kartika Sudirman

dewi_kartika_sudirman@moe.edu.sg

Nurhayati Nasir

nurhayati_nasir@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Yishun

Abstrak

Kebanyakan murid kurang membaca buku cerita Melayu walaupun terdapat banyak bahan bacaan bahasa Melayu. *Story T.L.E (Tell. Listen. Experience)* merupakan sebuah strategi bercerita yang digunakan untuk merangsang minat membaca buku cerita Melayu dalam kalangan murid-murid sekolah rendah. Oleh itu, kajian tindakan ini dijalankan untuk melihat keberkesanan *Story T.L.E* dalam memupuk minat membaca buku cerita Melayu bagi murid-murid. Sampel kajian melibatkan 40 orang murid sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan 100% murid menyatakan mereka lebih berminat untuk membaca buku cerita Melayu setelah *Story T.L.E* dijalankan. Hasil dapatan ini menunjukkan strategi *Story T.L.E* berkesan dalam merangsang minat murid membaca dan memilih bahan bacaan Bahasa Melayu. Berdasarkan dapatan usaha ini, perkongsian telah diadakan di peringkat sekolah bagi memastikan lebih ramai guru menggunakan strategi *Story T.L.E* ini untuk meningkatkan minat murid membaca buku cerita Melayu.

Kata Kunci: bercerita, buku cerita Melayu, merangsang minat, membaca



PENGENALAN

Membaca merupakan tabiat yang penting untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan memperkaya ilmu pengetahuan. Pelbagai program bacaan dan sesi bercerita dijalankan di perpustakaan awam untuk menggalakkan tabiat membaca dalam kalangan murid sekolah rendah khususnya. Guru-guru sekolah rendah juga tidak terkecuali menjalankan program bacaan luas bagi memupuk minat dan tabiat membaca murid.

Guru sering memberi galakan kepada murid-murid untuk membaca buku cerita sama ada semasa sesi bacaan senyap mahupun membaca secara sendiri. Namun, murid-murid lebih cenderung memilih dan membaca buku cerita bahasa Inggeris berbanding buku cerita bahasa Melayu. Berdasarkan tinjauan awal daripada 40 orang responden, 65% mendapati bahawa buku cerita bahasa Melayu tidak menarik dan 40% daripada mereka tidak berminat untuk membaca buku cerita Bahasa Melayu. Malah, 30% murid menyatakan mereka tidak mendapat sokongan atau galakan daripada ibu bapa untuk membeli atau meminjam buku cerita bahasa Melayu.

Hal ini menimbulkan iltizam guru untuk mencari pemangkin yang dapat merangsang minat murid membaca buku cerita Melayu. Murid-murid memerlukan strategi yang terancang bagi memupuk minat membaca buku cerita Melayu. Oleh itu, kajian *Story T.L.E (Tell. Listen. Experience)* atau 'Bercerita, Mendengar, Mengalami. telah dijalankan untuk melihat keberkesanan sesi bercerita sebagai pemangkin terhadap minat membaca buku cerita Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. menimbulkan minat membaca buku-buku cerita Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah melalui sesi bercerita; dan
2. melihat keberkesanan strategi *Story T.L.E* bagi memupuk minat membaca buku cerita Melayu dalam kalangan murid sekolah rendah.



PERNYATAAN MASALAH

Membaca merupakan salah satu kemahiran asas dalam pembelajaran bahasa Melayu. Murid digalakkan untuk membaca demi memperkaya kosa kata serta meningkatkan penguasaan bahasa mereka. Walaupun guru berusaha untuk memberikan galakan kepada murid untuk membaca buku cerita bahasa Melayu, namun mereka masih menunjukkan kecenderungan membaca buku cerita bahasa Inggeris disebabkan mereka lebih terdedah kepada buku cerita bahasa Inggeris. Malah, ramai antara mereka yang lebih fasih dan selesa berbahasa Inggeris lantas kurang memberi keutamaan kepada bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan kemerosotan minat terhadap bahan bacaan bahasa Melayu.

Membaca merupakan faktor utama dalam peningkatan penguasaan bahasa Melayu. Pendedahan yang berkurangan dalam bahan bacaan Melayu menyebabkan kosa kata murid terhad dan menghambat pemahaman tatabahasa serta struktur ayat bahasa Melayu. Perkara ini melemahkan penguasaan bahasa Melayu murid-murid kerana mereka tidak dapat bertutur, memahami dan menulis dalam bahasa Melayu dengan baik. Walaupun ramai antara mereka berbangsa Melayu, penggunaan bahasa Melayu semakin menurun. Mereka kurang mengenali bahan bacaan Melayu yang menarik kerana tidak memberi peluang kepada diri sendiri untuk meneroka buku-buku cerita Melayu. Gejala ini memudaratkan perkembangan bahasa Melayu kerana murid tidak menguasai bahasa ibunda mereka dengan baik.

Kajian yang dijalankan ini memberi peluang kepada guru untuk menjalankan sesi bercerita untuk murid bagi menanam minat dan merangsang minat membaca buku-buku cerita Melayu.

KAJIAN LEPAS

Hamilton dan Weiss (2005) menghujahkan bahawa pengajaran yang menggabungkan teknik bercerita dalam pembelajaran murid terbukti berkesan untuk meningkatkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis murid. Hamilton dan Weiss menerangkan beberapa strategi bercerita yang berkesan dan terbukti dapat meningkatkan minat membaca murid.



Zuraini Jusoh (2009) menjalankan kajian mengenai keberkesanan teknik bercerita dalam pengajaran dan pembelajaran karangan naratif bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan ini menunjukkan peningkatan prestasi dalam penulisan murid setelah sesi bercerita diadakan. Meskipun ia tidak memberikan tumpuan pada minat murid-murid dalam membaca buku cerita Melayu, dapatan ini menunjukkan keberkesanan teknik bercerita dalam meningkatkan prestasi pembelajaran bahasa murid-murid secara amnya.

Dapatan kajian ini menunjukkan, pengaruh sesi bercerita pada pembelajaran murid. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat keberkesanan strategi *Story T.L.E* dalam menarik minat murid memilih dan membaca bahan bacaan bahasa Melayu.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini bersifat kajian lapangan dan penelitian dilakukan dengan melihat maklum balas murid dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian ini melibatkan analisis secara kuantitatif dan kualitatif.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 40 orang murid kumpulan eksperimental bagi murid Darjah 5 yang terdiri daripada 16 orang dan murid Darjah 2 yang terdiri daripada 24 orang. Seramai dua orang guru terlibat menjalankan usaha intervensi ini. Secara umum, tahap kemahiran membaca murid-murid adalah sederhana. Tinjauan di peringkat awal menunjukkan murid bahawa murid tidak berminat dan kurang membaca buku cerita bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian terdiri daripada borang soal selidik prakajian dan pascakajian bagi murid. Borang soal selidik prakajian ini mengandungi 9 pernyataan bagi murid Darjah 2 dan 14 pernyataan untuk murid Darjah 5. Skala Likert dua poin untuk Darjah 2 dan 7 poin untuk Darjah 5. Terdapat 2 item bagi maklum balas murid Darjah 2 dan 3 item bagi maklum balas murid Darjah 5. Soalan-soalan ini memberi tumpuan kepada minat terhadap membaca buku cerita



Melayu dan pendapat berkenaan sesi bercerita. Dapatan dari maklum balas murid digunakan untuk mengukur keberkesanan sesi bercerita untuk menarik minat membaca murid bagi bahan bacaan bahasa Melayu. Borang soal selidik pascakajian mengandungi 3 pernyataan bagi Darjah 2 dan 5. Terdapat 1 item bagi maklum balas murid Darjah 5.

Data kualitatif turut digunakan untuk mengukur keberkesanan kajian sesi bercerita untuk menarik minat murid membaca buku cerita Melayu. Borang anekdot dan video digunakan untuk merakam pengalaman dan pendapat murid setelah sesi bercerita dilaksanakan.

Prosedur Kajian

Sebelum memulakan kajian, kumpulan eksperimental telah dipilih bagi murid rendah bawah dan rendah atas. Dua kumpulan eksperimental yang berbeza ini dipilih untuk melihat keberkesanan kajian ini bukan hanya untuk kelas rendah tetapi bagi kelas rendah atas juga. Borang senarai selidik prakajian telah diberikan kepada murid-murid untuk mendapatkan maklumat awal terhadap tahap minat membaca buku-buku cerita Melayu.

Seterusnya, sesi bercerita yang pertama dimulakan dengan strategi *Story T.L.E*. Dalam bahagian *Tell*, guru bercerita, bagi *Listen* murid akan mendengar cerita guru dan dalam *Experience* pula, murid menceritakan semula cerita yang mereka dengar di hadapan kelas atau secara berpasangan. Buku cerita daripada pelbagai genre akan diperkenalkan kepada murid pada setiap sesi. Kajian menggunakan kaedah *Story T.L.E* ini dijalankan selama 1 sesi setiap minggu dan selama 8 minggu berturut-turut. Setiap sesi berlangsung selama 3 waktu.


Setelah usaha intervensi ini dijalankan selama 8 minggu, murid diberikan borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas keberkesanan sesi bercerita yang dilaksanakan guru dalam meningkatkan minat mereka membaca buku cerita Melayu.



DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan data kuantitatif, dapatan prakajian menunjukkan murid kurang berminat dan kurang membaca buku cerita Melayu. Namun, mereka inginkan sesi bercerita Melayu. Dapatan ini menjelaskan bahawa sesi bercerita merupakan ‘umpan’ yang dapat menarik minat murid untuk membaca buku cerita Melayu. 38% murid Darjah 2 dan 45% murid Darjah 5 masih tidak berminat membaca buku cerita. Dapatan juga menunjukkan 61% murid Darjah 2 tidak membaca buku cerita Melayu dan 69% bagi murid Darjah 5. Namun bagi sesi bercerita, dapatan prakajian menunjukkan 82% bagi murid Darjah 2 dan 69% bagi murid Darjah 5 mahukan sesi bercerita dalam pembelajaran mereka di bilik darjah. Rujuk Rajah 1.


Rajah 1: Minat dan Sikap Murid pada Membaca dan Sesi Bercerita dalam Bahasa Melayu



Berkaitan sesi bercerita, semua murid Darjah 2 dan 5 berasa seronok untuk mengikuti aktiviti ini. Mereka turut teruja membaca buku cerita Melayu yang guru ceritakan. Semua murid Darjah 2 dan 5 berasa seronok semasa sesi bercerita. Dapatan kajian jua menunjukkan sesi bercerita mampu mempengaruhi minat murid-murid untuk membaca buku cerita Melayu kerana adanya pendedahan bahan bacaan Melayu kepada mereka secara langsung. 90% murid Darjah 2 teruja membaca buku cerita bahasa Melayu dan 95% bagi Darjah 5. Sila rujuk Rajah 2.




Rajah 2: Sikap Murid pada Sesi Bercerita Dan Membaca Buku yang Guru telah Ceritakan



Rajah 3 pula menunjukkan sesi bercerita terbukti berkesan untuk menarik minat murid membaca buku cerita bahasa Melayu. Jumlah murid yang tidak minat dan membaca buku cerita Melayu telah merosot ke paras yang rendah berbanding dengan jumlah yang tertera dalam Rajah 1. Bagi sesi bercerita jumlahnya meningkat 100% bagi kedua-dua peringkat.

Rajah 3: Minat Murid Terhadap Membaca dan Sesi Bercerita



KESIMPULAN

Kajian ini membincangkan usaha menarik minat murid membaca buku cerita Melayu melalui kaedah sesi bercerita dengan menggunakan strategi *Story T.L.E*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sesi bercerita mampu mempengaruhi dan menarik minat murid agar memilih dan membaca bahan bacaan bahasa Melayu terutama buku cerita bahasa Melayu. Bahkan, usaha guru dalam sesi bercerita telah secara efektif membuat murid lebih teruja untuk mencari bahan yang telah dibaca guru dan membacanya sekali juga. Kajian ini juga berjaya menunjukkan betapa usaha guru dan strategi yang berstruktur penting di dalam menarik minat murid untuk membaca buku cerita bahasa Melayu.

Keberkesanan strategi *Story T.L.E* ini telah meningkatkan semangat guru untuk menyalurkan strategi *Story T.L.E* ini kepada setiap peringkat murid di sekolah rendah. Diharapkan dengan inisiatif ini *Story T.L.E* ini dapat dijalankan secara konsisten sebagai satu program bacaan yang dapat menarik minat murid untuk memilih dan membaca buku cerita bahasa Melayu. Dengan pendedahan yang diberikan kepada murid, secara langsung akan mempengaruhi secara positif pemilihan bahan bacaan mereka pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Weiss, M. H. (2005). *Children tell stories : teaching and using storytelling in the classroom* . Katonah, N.Y: Richard C. Owen Publishers.
- Zuraini Jusoh. (2009). *The Effectiveness Of Storytelling Technique In Teaching And Learning Narrative Writing In The Malay Language*. Retrieved from Universiti Putra Malaysia: http://psasir.upm.edu.my/5685/1/FPP_2009_2.pdf

